

12/11/1998

WMC: Era baru pengurusan sisa toksik

M Noh Senan

PUSAT Bersepadu Pengurusan Buangan Terjadual (WMC) berharga RM318 juta di Bukit Nanas, Port Dickson menjadi kebanggaan negara kerana ia adalah satu lagi projek nasional dan era baru dalam pengurusan bahan berkenaan daripada sektor kilang.

Pusat yang pertama dan terbesar itu turut menandakan pencapaian cemerlang syarikat kejuruteraan tempatan dan hampir 90 peratus komponen selain penyediaan infrastrukturnya dipasang syarikat tempatan.

Ia juga sebagai projek perintis kepada golongan pekerja tempatan untuk menjadi tenaga mahir dan menimba pengalaman dalam bidang pemprosesan sisa toksik dan bahan buangan industri yang serba canggih.

Minggu lalu, pusat yang diurus Kualiti Alam Sdn Bhd, sebuah konsortium gabungan tiga syarikat, termasuk dari Denmark itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kualiti Alam Sdn Bhd disertai UE Construction Sdn Bhd (anak syarikat milik penuh United Engineers (Malaysia) Berhad (UEM) yang memegang ekuiti 50 peratus; Arab-Malaysian Development Berhad dan Danish Wastetreatment Services A/S, masing-masing memiliki 25 peratus ekuiti.

Pusat itu berupaya merawat 107 bahan buangan terjadual seperti yang terkandung dalam Akta Kualiti Persekitaran Alam 1989.

Bagaimanapun, ia tidak menerima buangan sisa letupan, hospital (berjangkit dan patologi) dan radioaktif.

Dalam ucapan pada upacara perasmian pusat itu, Pengerusi Kualiti Alam Sdn Bhd, Tan Sri Razali Ismail, berkata selama 10 tahun iaitu bermula 1981 sehingga 1991, kerajaan menjalankan kajian mendalam ke atas 91 tapak di seluruh negara yang dikenal pasti untuk pembinaan loji berkenaan.

"Bagaimanapun, tapak di Bukit Nanas akhirnya dipilih kerana ia memenuhi syarat dan kriteria untuk pembinaan loji berkenaan.

"Pada Oktober 1995, Kualiti Alam Sdn Bhd menandatangani perjanjian menguruskan pusat berkenaan dengan kerajaan sebelum memulakan pungutan dan proses sisa buangan pertamanya, Oktober, 1996," katanya.

Dalam menguruskan pusat berkenaan, Kualiti Alam turut merumuskan dasar berbentuk Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan, Prosedur Kendalian Standard (Standard Operating Procedure) dan beberapa garis panduan untuk memastikan keselamatan kakitangan.

Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan terdiri daripada kakitangan dan pengurusan sentiasa mengadakan perjumpaan untuk mengkaji semula gerakan pencegahan dan mengenal pasti bahan berpotensi di tempat kerja.

Melalui satu sistem latihan komprehensif, semua kakitangan Kualiti Alam dilatih mengutamakan keselamatan di dalam dan di luar aktiviti bekerja.

Kualiti Alam memulakan pengawasan kualiti udara sejak Julai 1995. Ini dilakukan sebelum kerja pembinaan awal bermula untuk memastikan kualiti udara ketika itu.

Pengawasan ini termasuk kualiti udara ambien yang dilakukan di tempat strategik. Ini dilakukan untuk memastikan udara persekitaran tidak tercemar dan berada pada tahap yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Selain itu, syarikat juga menyediakan stesen sampel air di lima sungai berhampiran sebelum memulakan operasinya. Air di sungai ini diawasi untuk pencemaran logam berat, kekeruhan, pepejal yang terapung dan pelbagai lagi seperti yang terkandung dalam garis panduan JAS.

Untuk mengawasi kualiti air dalam tanah agar tidak tercemar dan mengikut

garis panduan JAS. Pengawasan lain dilakukan termasuk tahap kebisingan, endapan sungai, kimia tanah, fauna dan flora skuatik dan daratan serta pengeluaran dari serombong pembakaran.

Stesen pemindahan adalah satu aspek penting dalam sistem pengurusan buangan terjadual dan ia memainkan peranan sebagai tempat kutipan dan simpanan sementara bagi bahan buangan terjadual yang diambil daripada pengeluar buangan yang kecil dari lokasi di seluruh negara, sebelum ia dihantar ke WMC untuk pengolahan dan pembuangan seterusnya.

Stesen ini juga mempunyai sebuah sistem simpanan air hujan (stormwater). Air ini akan disimpan sementara untuk dianalisis bagi sebarang kemungkinan pencemaran.

Kakitangan stesen akan membuat pemeriksaan untuk memastikan dokumentasi selaras dengan bahan buangan. Mereka juga akan memeriksa dan menimbang bahan buangan itu sebelum ia disimpan di tempat sementara.

Selepas menyimpan bahan buangan, setiap kenderaan pengangkutan akan dibersihkan dulu sebelum ia meninggalkan pekarangan itu.

Dari segi kerja pengangkutan pula, ia terbahagi kepada dua fasa, iaitu kualiti alam memulakan pengutipan bahan buangan dari pelbagai industri (pelanggan) dan menghantarnya ke stesen pemindahan. Fasa kedua pula adalah kerja penghantaran bahan buangan dari stesen itu ke WMC.

Kerja pembinaan WMC dilaksanakan dalam tiga fasa, iaitu fasa pertama dan kedua siap pada 1996. Kini fasa ketiga sedang disiapkan merangkumi kerja pembinaan loji stabilisasi, fizikal/kimia dan pembakaran.

(END)